

04 JUL 1998  
Mustapa-cuci

## UNDANG-UNDANG LARANG SIDAI PAKAIAN DI LUAR RUMAH AKAN DIPERKENALKAN

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Penghuni rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium dilarang menyidai pakaian di luar tingkap dan balkoni apabila satu undang-undang mengenainya digubal dan dikuatkuasakan nanti.

Mereka dikehendaki menggunakan kaedah pencucian dan pengeringan pakaian berkonsepkan pencucian pintar (smart wash) menggunakan kad seperti kad telefon.

Menteri Pembangunan Ushawan, Datuk Mustapa Mohamed berkata peraturan itu diperkenalkan berikutan teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas terlihat pakaian disidai di luar tingkap rumah pangsa semasa melawat Pulau Pinang tahun lepas.

Peraturan baru itu bertujuan mengubah tabiat penduduk rumah pangsa yang menjolok mata seperti menyidai pakaian dan sebaliknya ingin menonjolkan imej kemas dan bersih sejajar dengan pembangunan negara, katanya ketika merasmikan sebuah pusat mencuci pakaian di flet pekeliling di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya peraturan itu akan hanya dikuatkuasakan apabila syarikat yang dilantik untuk menyediakan kemudahan pencucian pintar itu, Jurumuda Sdn Bhd, mempunyai keupayaan sepenuhnya untuk mengendalikannya di semua taman perumahan rumah pangsa.

Menurutnya, anak syarikat Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) itu juga akan mengendalikan perkhidmatan seumpama itu di taman perumahan rumah pangsa di Bukit Beruntung awal tahun depan, taman perumahan di Sungai Buloh pertengahan tahun depan dan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak akhir tahun depan.

Mustapa berkata syarikat itu membelanjakan RM6 juta bagi menyediakan perkhidmatan di semua tempat itu termasuk RM2 juta bagi pusat pencucian di Flet Pekeliling yang membekalkan 132 mesin mencuci dan 44 mesin pengeringan.

Beliau berkata di bawah kaedah itu penduduk boleh menggunakan perkhidmatan yang menyediakan mesin pencuci dan mengering pakaian di sebuah pusat yang ditempatkan di kawasan perumahan.

Katanya, penduduk diberi pilihan untuk menggunakan mesin pengeringan sahaja dengan bayaran RM2 bagi 45 minit dengan muatan maksimum lima kilogram. Caj bagi penggunaan mesin mencuci sahaja ialah RM1.50 bagi tempoh 30 minit dan muatan maksimum lima kilogram.

Perkhidmatan itu akan difrancaiskan selepas setahun operasi bagi memberi peluang kepada usahawan tempatan menyertai bidang perniagaan, katanya.

Mustapa juga berkata kaedah ini dianggap murah dan pihak syarikat yang mengendalikan perkhidmatan itu akan memastikan kos perkhidmatan dikawal pada kadar dalam kemampuan pengguna.

-- BERNAMA  
ARA WAT